

29/03/1998

Asem 2 mahu bincang kemelut Asia

Karim Sulaiman

JIKA dahulu Eropah mahu mengenali dengan lebih dekat Asia, tetapi dalam pertemuan kali ini mereka mungkin sudah mengenali atau lebih mengenali di antara satu sama lain.

Banyak perkara yang mahu dan akan dibincangkan dalam pertemuan kali ini, tetapi usaha menangani krisis ekonomi di Asia sudah dicanangkan oleh Britain, selaku tuan rumah Asem 2 sebagai agenda utama mesyuarat kali ini.

Alasannya - Asem 2 adalah medan terbaik bagi Eropah untuk menyatakan sokongan berterusan mereka kepada Asia.

Bagaimanapun, setakat mana, Eropah, khususnya Kesatuan Eropah (EU) benar-benar mahu membantu Asia dalam menyelesaikan masalah itu belum jelas lagi.

Jika mereka mahu membantu Asia dalam menghadapi krisis itu, mereka tidak perlu menunggu sehingga Asem 2.

Sistem perdagangan dan idealogi yang berbeza di antara Eropah dan Asia, turut dikatakan sukar bagi Eropah untuk mengemukakan jalan konkrit dalam menyelesaikan masalah ekonomi di Asia.

Pandangan itu, bagaimanapun, dinafikan oleh Britain apabila Menteri Negara Bagi Luar Negar dan Hal Ehwal Komanwelnya, Derek Fatchett, berkata: "Perbezaan idealogi dan sistem perdagangan tidak akan menghalang Eropah untuk berbincang dan menawarkan bantuan kepada Asia dalam menyelesaikan masalah itu (kegawatan ekonomi)."

Kenyataannya tidak begitu meyakinkan kerana masyarakat dunia sendiri mengetahui sistem perdagangan dan idealogi yang diamalkan Eropah dan Asia amat berbeza. Eropah pada umumnya, tidak akan mengorbankan sistemnya semata-mata untuk 'menyelamatkan' Asia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini, ketika ditanya sama ada Asem 2 akan menghasilkan keputusan positif dalam usaha menyelesaikan masalah kegawatan ekonomi Asia, berkata beliau kurang yakin mesyuarat itu dapat merumuskan jalan penyelesaian terhadap kegawatan ekonomi di rantau ini.

Beliau yang akan mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat itu berkata, ini kerana pandangan Eropah amat berbeza dengan Asia dalam memperkatakan masalah ekonomi di Asia.

"Dalam mesyuarat ini, sekali lagi kita berpeluang menjelaskan keadaan sebenar walaupun mungkin pandangan mereka berbeza dengan kita."

"Mereka lebih mengutamakan kebebasan perdagangan tanpa mengambil kira kesannya. Kesannya tidak penting walaupun berjuta-juta rakyat tiada pekerjaan."

"Ini adalah keperitan yang dihadapi supaya perdagangan menjadi bebas," katanya.

Selain itu, Eropah juga dilihat seolah-olah kurang yakin dengan usaha dilakukan oleh Asia dalam mengatasi kegawatan ekonomi di rantau ini.

Mereka kerap kali menyalahkan pemimpin dan dasar kerajaan Asia yang terbabit dalam masalah itu. Eropah mahukan Asia mengikuti 'apa yang mereka suruh lakukan'.

Jika pemimpin atau kerajaan Asia terbabit tidak mahu melakukan 'apa yang mereka suruh', kerajaan Asia terbabit dilabelkan sebagai degil.

Mereka meletakkan keseluruhan kesalahan atau masalah yang melanda Asia di bahu pemimpin atau kerajaan Asia.

Media massa Eropah kerap merujuk kerajaan Asia yang bermasalah dengan dakwaan rasuah, boros atau mengamalkan pilih kasih, tanpa mendengar punca

sebenarnya masalah itu dari mulut pemimpin rantau ini sendiri.

Dr Mahathir melihat perkara ini sebagai sikap kurang yakin Eropah terhadap Asia.

Katanya, walaupun beliau sudah menjelaskan punca masalah ekonomi di rantau ini, Eropah tetap menyalahkan kerajaan negara terbabit.

"Di mana-mana dan bila-bila saya jelaskan masalah ini, jawapan mereka ialah kita harus bina keyakinan. Kita harus ada kerajaan yang lebih berdisiplin dan lebih telus."

"Pendek kata, mereka menyalahkan kerajaan negara Asia Tenggara, mengapa ini berlaku," katanya.

Barat, termasuk Eropah bagaimanapun, tetap berpendirian bahawa mereka sudah mengambil langkah tertentu untuk membantu Asia dalam menangani krisis ekonomi di rantau ini.

Mereka kerap kali memberi contoh paling popular, bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) kepada Thailand, Korea Selatan dan Indonesia sebagai tanda kesungguhan untuk membantu Asia daripada belenggu krisis ekonomi.

Dalam hal ini, Australia yang turut menjadi penyumbang kepada tabung itu 'mengintai-intai' peluangnya untuk menganggotai Asem.

Australia yang akan mengikuti prosiding mesyuarat itu sebagai pemerhati yakin dengan sokongan Jepun, Korea Selatan, Singapura, Indonesia dan Thailand untuk diterima sebagai anggota mesyuarat berkenaan.

Negara itu melihat dirinya memainkan fungsi penting di Asia dan layak diterima menyertai Asem.

"Sumbangan kami kepada pakej bantuan IMF membuktikan komitmen dan hubungan dengan rantau Asia."

"Kami berpendapat dapat memberi sumbangan kepada Asem. Pada pandangan kami, Asem tidak lengkap sehingga Australia menyertainya," kata seorang pegawai Australia.

Britain yang mempunyai hubungan tradisi dengan Australia dikatakan akan menyokong kemasukan negara itu dalam Asem bagi membolehkannya menyertai mesyuarat seterusnya di Seoul pada tahun 2000.

Jika Australia menawarkan dirinya sebagai anggota Asem, Asean pula mahukan Myanmar menyertai mesyuarat berkenaan.

Eropah sudah tentu tidak senang dengan kehadiran Myanmar kerana mendakwa negara itu mencabuli hak asasi kemanusiaan.

Eropah pada peringkat ini hanya bersedia Myanmar menyertai mesyuarat tidak rasmi, tetapi tidak menjadi anggota Asem.

Pertemuan di London, dijangka memutuskan kemasukan ahli baru berikutan keputusan untuk memperluaskan keahlian dalam Asem.

(END)